

06/09/2003

MSC, IAP, satu perjuangan belum selesai

"KITA berbicara mengenai sesuatu yang jauh daripada jangkauan. Kita sedang berbicara mengenai perubahan cara kita hidup dan bekerja dalam Koridor Raya Multimedia (MSC)," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melancarkan MSC pada 1996.

Kini, tujuh tahun kemudian, daripada sebuah negara yang ekonominya lebih kepada berasaskan pertanian, Malaysia berjaya muncul sebagai satu kuasa besar dalam sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) hasil wawasan Dr Mahathir yang ingin menjadikan negara sebagai pemain utama ICT rantau ini seterusnya dunia.

Dalam keseronokan mengecapi kejayaan itu, 2003 menjadi tahun yang akan menyaksikan terpisahnya gagasan Dr Mahathir dalam memperjuangkan kejayaan MSC kepada satu gagasan baru yang akan dikemudikan oleh pengganti Dr Mahathir, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

MSC sebenarnya bangkit daripada kekuatan sebuah negara kerdil sehingga mampu mengatasi keupayaan bandar raya berteknologi tinggi lain di rantau ini seperti Singapore One (Singapura); Cyberport (Hong Kong); Software Park (Thailand) dan Nusantara21 (Indonesia).

Daripada sasaran awal yang inginkan hanya 500 syarikat berstatus MSC menjelang 2003, kini berjaya mencatat 914 syarikat berstatus MSC yang mana 876 syarikat teknologi MSC manakala 29 adalah institusi pengajian tinggi berstatus MSC dan sembilan syarikat inkubator.

Pengasasnya yang juga 'Bapa MSC', Dr Mahathir kini boleh bergembira dengan hasil titik peluhnya, MSC kini pusat utama tarikan pelaburan syarikat ICT utama dunia bertapak, mengelak daripada tertumpu kepada negara lain.

Kini antara syarikat utama itu ialah IBM, Microsoft, NTT, Alcatel, Lucent Technologies, Fujitsu, Oracle, Motorola, Siemens dan Shell sudah bertapak di MSC yang terus membuktikan kukuhnya pengaruh MSC di kalangan mereka itu.

Dalam memantapkan pembangunan MSC, Dr Mahathir turut mengadakan panel penasihat antarabangsa (IAP) yang menjadi landasan penting untuk memastikan hala tuju MSC adalah mengikut perancangan dan mengguna pakai pengalaman antarabangsa.

Mesyuarat pertama IAP ialah pada 16 Januari 1997, di Universiti Stanford, Amerika Syarikat dan berjaya mencatat 22 ahli menghadirinya, iaitu ketua syarikat bertaraf dunia yang memberi pandangan masing-masing untuk menayakan MSC.

Khamis lalu, IAP sudah memasuki mesyuaratnya bagi kali ke-7, yang terakhir akan dipengerusikan oleh Dr Mahathir dan berjaya menarik penyertaan paling ramai iaitu 31 orang, merangkumi 16 ahli IAP dan 15 perwakilan.

IAP kali ini juga agak istimewa kerana ia berjaya melantik dua ahli baru iaitu Pengerusi Satyam Computer Services, Ramalinga Raju dan Naib Provost bagi Inisiatif Baru, Institut Teknologi Illinois, Dennis Roberson. Mereka dinaikkan taraf daripada perwakilan kepada ahli.

Kejayaan ini sedikit sebanyak membuktikan kuasa Dr Mahathir masih unggul dalam arena ini dan amat diperlukan untuk perjuangan MSC dan IAP pada masa depan.

MSC dan IAP tetap akan diperjuangkan dan ia tidak seharusnya bergantung sepenuhnya kepada Dr Mahathir saja. Ia perlu melalui pelbagai reformasi berbentuk positif yang boleh membentuk kematangannya dalam perjuangan pada masa depan.

Sehubungan itu, selepas wawasan Dr Mahathir dalam MSC dan IAP, Abdullah akan mengambil alih kepemimpinan untuk menentukan hala tuju MSC dan IAP itu dan ia membentuk rasa iri hati di kalangan negara membangun dan maju

lain.

Tugas besar menanti Abdullah memandangkan MSC kini memasuki fasa kedua yang mana ia akan dihubungkan dengan bandar raya siber lain di dunia. Fasa ini berupaya menjadikan MSC lebih kukuh dan jitu dalam mengharungi persaingan daripada bandar raya siber lain.

Banyak suara sumbang yang mengandaikan MSC akan menghadapi zaman yang suram selepas Dr Mahathir, namun Abdullah menolak andaian itu dengan menegaskan bahawa penekanan dan program terhadap MSC akan terus diberi keutamaan apabila beliau mengambil alih kepemimpinan negara nanti.

"Sesetengah pihak bimbang sama ada saya akan terus memberi penekanan terhadap MSC. Saya ingin menyatakan MSC adalah penting dan penekanan programnya akan terus diberikan keutamaan," katanya.

Beliau meminta semua pihak memberi kerjasama penuh untuk menjayakan MSC supaya Malaysia bersedia memikul cabaran lebih besar dalam dunia teknologi maklumat (IT) pada masa depan.

Walaupun keyakinan itu diberikan sendiri oleh Abdullah, ia memerlukan satu jentera yang hebat, bukan hanya melalui kata-kata saja, untuk terus meyakinkan syarikat di MSC terus kukuh di situ selain menarik lebih banyak lagi masuk ke MSC.

Tugas berat menanti Abdullah kerana penonjolan beliau dalam arena IT tidak banyak, hanya sekali sekala terbabit secara langsung. Namun, industri IT negara harus memberi peluang untuk menempuhi persekitaran yang baru di bawah Abdullah.

Tahun depan juga, negara ingin menyaksikan penyertaan ahli IAP adalah tinggi berbanding tahun ini yang mana selain menjadi tugas Abdullah, beban itu juga turut dipikul oleh Multimedia Development Corp (MDC), badan utama yang mengawal selia MSC dan IAP.

Walaupun pemerintahan bertukar tangan, MSC dan IAP harus diteruskan untuk memastikan kemajuan ekonomi berasaskan pengetahuan mampu dicapai. Ia adalah satu perjuangan yang belum selesai, memerlukan kerjasama semua pihak.